

WARISAN

KDN 7890

ISSN 1511-8320

Bil. 23, 2000



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

KANDUNGAN

- 2** Kata Alu-Aluan
Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad
- 4** Dari Meja Editor
Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim
- 7** Sidang Pengarang
- 8** Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 9** Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 9** Ahli Jawatankuasa Biro Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 10** Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan-Kawasan 1999/2000
Kawasan Kuala Pilah.
Kawasan Port Dickson
Kawasan Tampin
Kawasan Jelebu
Kawasan Rembau
Kawasan Seremban
Kawasan Jempol
- 15** Penulisan Tentang Adat Perpatih: Satu Sorotan Awal
Aiani Sudeen
- 30** Kepimpinan Adat dalam Adat Lingkungan dan Adat Istiadat Istana
Noor Hayati Hj. Ibrahim
- 62** Adat Istiadat Melantik dan Menjemput Pulang Datuk Lembaga Luak Rembau
Tok Puteh Ramly Hj. Shamsudin

- 71** Adat Berkadim dalam Luak Jempol
Rahimi NS
- 85** Tragedi Sungai Lui
Jamaludin Samsudin dan Izhab Harun
- 92** Lintasan Sejarah Kerajaan Melayu Rembau:
Melalui Tempat dan Tinggalan Bersejarah
Norhalim Hj. Ibrahim
- 133** Kegiatan Orang Rawa di Negeri Sembilan: Satu Kajian Awal
Abd. Rahim bin Ismail
- 143** Mohd. Faridun bin Haji Jonid: Tokoh Guru Negeri Sembilan 1999
dan Datuk Mangkubumi Luak Rembau
Norzali Hj. Ibrahim
- 151** Marhaban! Marhaban!! Selamat Datang!!
Za'ba
- 153** Surat kepada Ketua Editor
Rahimi NS
- 154** Cakap Eden
Jamaludin Samsudin dan Aiani Sudeen
- 155** Hiasan kulit: Istana Ampang Tinggi
Norhalim Hj. Ibrahim
- 157** Jawapan Cakap Eden
- 158** Laporan Aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan
Rembau 1999/2000
Norhalim Hj. Ibrahim
- 169** Nota kepada Penyumbang



DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD
SPNS., PSM., DSNS., PMC.
Menteri Besar Negeri Sembilan



Kata Alu-Aluan

Menteri Besar Negeri Sembilan
merangkap
Yang Dipertua
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan kawasan-kawasannya secara tidak langsung telah menyahut seruan saya dalam "Kata Alu-Aluan" terbitan Warisan tahun lalu. Sepanjang tahun 1999 dan bahagian pertama tahun 2000, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, melalui aktiviti kawasan telah berjaya menemukan kesan baru dan memperbaiki kesan lama sejarah Negeri Sembilan. Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Jempol misalnya, dengan kerjasama Pejabat Daerah Jempol dan Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Sembilan telah berjaya mengenal pasti Jalan Penarikan. Begitu juga dengan Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau dengan kerjasama Pejabat dan Majlis Daerah Rembau sedang merancang membaik pulih kawasan bersejarah seperti Kuala (Kota) Pedas dan Danau Sisik Emas untuk dijadikan kawasan rekreasi yang boleh menarik pelancong dari dalam dan luar negeri.

Di samping mengenal pasti dan membaik pulih tempat dan kesan bersejarah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan melalui Kawasan juga semakin peka dengan aktiviti seni budaya yang semakin menghilang. Semua ini adalah hasil daripada kejayaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999. Kepada semua ahli Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan berharap akan melipatgandakan usaha-usaha berkenaan.

Sehubungan dengan perkara di atas, **Warisan** terbitan ini selain artikel-artikel biasa, cuba mengutarakan dan mengenalkan semula beberapa aspek budaya Negeri Sembilan yang kurang diketahui masyarakat umum.

Dengan terbitnya artikel-artikel tersebut, masyarakat umum khususnya orang Negeri Sembilan faham dan kenal akan budaya sendiri. Pemahaman ini akan menjadikan generasi muda mempunyai jati diri dan beridentiti. Justeru itu ia boleh menjadi benteng kepada kemasukan anasir-anasir budaya negatif yang berleluasa sekarang. Masyarakat yang tidak jati diri akan mengalami kehancuran.

Warisan terbitan pertama alaf baru ini memperlihatkan perubahan. Pertama sekali bidang jurnal ini diperluaskan merangkumi segala yang boleh dianggap sebagai warisan Negeri Sembilan. Kedua, terbitan kali ini memuatkan senarai jawatankuasa kawasan. Dengan termaktubnya senarai ini maka kita mendokumentasikan sumbangan mereka kepada pergerakan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan juga Kawasan tempat mereka bergerak aktif. Tanpa kerjasama sukarela mereka, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan tidak mungkin bergerak. Ketiga, terbitan kali ini memberikan laporan aktiviti Kawasan melalui gambar. Ini adalah juga satu usaha untuk mendokumentasikan aktiviti yang dijalankan, bukan sahaja kepada Persatuan tetapi juga bagi daerah atau kawasan berkenaan. Pendokumentasian aktiviti tersebut secara tidak langsung memberi tahu masyarakat awam bahawa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan peka dalam pembangunan jati diri berdasarkan sejarah dan budaya.

Saya harap dalam keluaran yang akan datang setiap Kawasan akan melaporkan kegiatan masing-masing dalam **Warisan**.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Pengarah **Warisan** kerana berjaya menerbitkan jurnal kali ke-23. Kepada semua penulis yang memberi sumbangan dalam penerbitan kali ini, saya bagi pihak Sidang Pengarah dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih dan berharap akan terus memberi sokongan dan sumbangan dalam terbitan-terbitan akan datang.


DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

Dari Meja Editor



Manusia Berbudaya Palsu

Antara budaya dan sejarah tidak ada garis pemisah. Sejarah membentuk budaya dan begitu sebaliknya: tanpa sejarah tiada budaya. Manusia yang melupakan sejarah bererti melupakan budayanya. Manusia tanpa sejarah dan budaya ialah manusia tidak beridentiti, tidak jati diri dan tidak berperibadi.

Kita mengenali seseorang itu orang Inggeris, Jepun atau apa sahaja bangsa seantero dunia melalui sejarah dan budaya atau dalam istilah tradisi Melayu, melalui adat yang diamalkannya. Kini kebanyakan manusia Melayu, mengakui diri berbudaya atau beradat Melayu tetapi pada hakikatnya mereka tidak kenal dan tidak faham tentang budaya atau adat yang kononnya mereka amalkan. Mereka tidak tahu mengapa sesuatu adat dan istiadat itu dilaksanakan, motif di belakangnya dan tujuan yang tersirat di sebaliknya. Justeru itu mereka tidak tahu lagi apakah budaya atau adat yang mereka amalkan itu budaya atau adat Melayu atau bukan? Mereka ini adalah individu Melayu palsu.

Individu Melayu palsu ini cuba berusaha menjadi units masyarakat yang tertonjol dalam masyarakat adat atau budayanya. Sekiranya beliau beradat, ketua adat misalnya atau apa sahaja kegiatan adat yang mereka lakukan, semata-mata kerana mahukan berimej (orang beradat). Mereka, setelah 'berjaya' mencapai kedudukan dan memperoleh imej yang konon bakal mengangkat darjatnya, tidak pernah ingin memperbaiki alam minda mereka untuk memperbaiki adatnya. Malahan tidak terarah memahami keluhuran yang bergaung di bawah

adatnya. Justeru itu, mereka tidak jujur dalam mengisi kedudukan dan imej yang mereka tagih dan kemudian mereka peroleh. Bahkan, imej, kedudukan dan ilmu pengetahuan secelet yang diperolehnya dimanipulasi menjadi alasan membenarkan amalan hidup yang jelas bertentangan dan aneh mengikut tradisi adatnya. Mereka inilah yang akan mensosialisasikan generasi muda Negeri Sembilan yang bakal menggantikan mereka dalam alaf baru ini.

Antara Artikel Terbitan Kali Ini

Menyedari hakikat ini, jurnal **Warisan** terbitan pertama alaf baru ini memaparkan beberapa aspek adat atau budaya Adat Perpatih untuk tatapan dan penghayatan para pembaca. Artikel-artikel ini ialah hasil penggalian beberapa orang anak watan Negeri Sembilan yang masih sayang adatnya walaupun mereka tidak berimej 'orang beradat'. Diharap dengan adanya paparan sebegini, masyarakat khususnya para pembaca akan lebih mengenali budaya atau adat Melayu Negeri Sembilan dan sekali gus mengurangkan pencemehan tentangnya.

Warisan terbitan kali ini juga menerbitkan kata alu-aluan Tan Sri Dr. Pendeta Hj. Zainal Abidin b. Hj. Ahmad atau lebih terkenal dengan Za'ba. Kepada pengkaji Za'ba, artikel ini dapat memberi sedikit sumbangan tentang zaman persekolahan beliau di Sekolah Melayu Batu Kikir dalam tahun 1907. Artikel ini juga boleh menambah pengisian Teratak Za'ba apabila teratak ini siap nanti.

Satu lagi kelainan **Warisan** terbitan ini ialah ruangan surat daripada pembaca. Ruangan ini dimulakan oleh Rahimi NS sebagai memberi maklum kepada umum tentang akan terbitnya kamus kosa kata dialek Negeri Sembilan. Surat ini berpunca daripada artikel Jamaludin Samsudin dalam **Warisan** 22, 1999.

Warisan terbitan kali ini juga memberi laluan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan untuk melaporkan aktiviti tahunan mereka. Untuk kali ini, Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau telah menyumbangkan aktivitinya untuk tatapan dan sumbang saran kepada kawasan-kawasan lain. Sidang redaksi berharap ruangan laporan kawasan ini akan berterusan dalam setiap penerbitan **Warisan** yang akan datang. Dengan demikian, tercapailah cita-cita **Warisan**

selain menjadi arena akademik, sejarah dan budaya Negeri Sembilan juga menjadi lidah kepada aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan dan Kawasan Negeri Sembilan.

Nampaknya seruan daripada meja Pengarang Warisan 22, 1999 menjemput para penulis keturunan Cina dan India memberikan sumbangan tidak mendapat sambutan. Namun, sidang pengarang tidak berputus asa dan berharap mereka akan terpenggil untuk memberikan sumbangan dalam Warisan 24 nanti.

Terima Kasih

Akhir sekali, saya bagi pihak sidang redaksi jurnal Warisan dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan (PSMCNS) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Dipertua PSMCNS atas motivasi dan sokongan yang beliau berikan. Tanpa galakan dan cabaran yang berpunca daripada minat dan kecintaan beliau terhadap sejarah dan budaya Negeri Sembilan berkemungkinan besar jurnal Warisan ini akan menjadi bahan warisan pula.

Sidang redaksi juga mengucapkan terima kasih kepada setiap penulis yang menyumbangkan artikel untuk terbitan kali ini.

Kepada para editor saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas kesudian mereka secara sukarela meluangkan masa, tenaga dan memerah otak membaca, meneliti dan memperbaiki; diikuti pula dengan mengedit dan membaca pruf pertama dan kedua terbitan ini. Kepada pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak, terima kasih juga saya ucapkan.



***NORHALIM HJ. IBRAHIM**

Sidang Pengarang

Ketua Editor

Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim

Editor

Aiani binti Sudeen

Jamaludin bin Samsudin

© Hakcipta: Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan

Warisan ialah jurnal keluaran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Makalah-makalah yang diterbitkan dalam *Warisan* bukan semestinya pendapat Ketua Editor atau Editor jurnal ini. Editor bertanggungjawab membuat pemilihan kepada kandungan *Warisan* dan berhak menolak makalah-makalah yang dirasakan tidak layak diterbitkan. Pendapat-pendapat yang dikemukakan serta ketepatan fakta-fakta yang diterbitkan dalam makalah adalah merupakan tanggungjawab penulis sendiri.

Sumbangan makalah daripada para ilmuan, budayawan, peminat sejarah dan budaya Negeri Sembilan hendaklah mengikut garis panduan yang diberikan dalam ruang "Nota kepada Penyumbang" yang diterbitkan dalam setiap isu *Warisan*. Segala surat menyurat dan sumbangan makalah hendaklah dialamatkan kepada :

Ketua Editor
Jurnal Warisan
Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan
498 Lorong Margosa 16/2
Margosa Height
70400 Seremban.

Dicetak oleh:
World Machine Trading
101 Jalan Dato' Bandar Tunggal
70000 Seremban.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1999 - 2000**

Yang Di Pertua

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama
Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad
SPNS., PSM., DSNS., PMC.
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Naib Yang Di Pertua

Dato' Haji Sudin bin Kamari
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus
(hingga Oktober 1999)

Tuan Haji Khusaini bin Haji Hasbullah
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
(mulai Oktober 1999)

- Setiausaha Kehormat*** : Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi
- Pen. Setiausaha Kehormat*** : Tuan Haji Mahadi bin Abdul Rahman
- Bendahari Kehormat*** : Encik Tilak Raj Sharma
- Pen. Bendahari Kehormat*** : Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
- Pengarang Kehormat*** : Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
- Ahli Jawatankuasa*** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
Tn. Hj. Mohd. Zahidin bin Haji Sidek
Tn. Haji Ismail bin Adnan
Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Othman
En. Ibrahim bin Abdul Rahman
- Pemeriksa Kira-Kira*** : Tuan Haji Mohd. Jan bin Othman
Encik R. Pachappan a/l Rajagopal

JAWATANKUASA KERJA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1999/2000

Pengerusi

Dato' Haji Sudin bin Kamari
(Hingga Oktober 1999)

Tuan Haji Khusaini bin Haji Hasbullah
(Mulai Oktober 1999)

- Setiausaha** : Tn. Haji Ismail bin Abdul Hadi
- Penolong Setiausaha** : Tn. Haji Mahadi bin Abdul Rahman
- Bendahari** : Encik Tilak Raj Sharma
- Penolong Bendahari** : Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
- Ahli Jawatankuasa** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
Tn. Hj. Mohd. Zahidin bin Haji Sidek
Tn. Haji Ismail bin Adnan
Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Othman
En. Ibrahim bin Abdul Rahman
Ustaz Sayuti bin Mamat
Tn. Haji Mohd. Taib bin Hussin
Tn. Haji Mazlan bin Borhan
Tn. Haji Mohd. Jan bin Othman
Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Wakil Muzium Negeri
Wakil Maktab Perguruan Raja Melewar
Wakil Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
- Ketua-Ketua Biro**
- Penerbitan** : Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
- Lawatan** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
- Ceramah/Seminar** : Tn. Haji Ismail bin Adnan
- Pertandingan** : Tn. Haji Zahidin bin Haji Sidek
- Koleksi/Rakaman** : Encik Ibrahim bin Abdul Rahman
- Kewangan** : Encik Tilak Raj Sharma
- Buletin "Dari Jendela"** : Tn. Haji Mohd. Misan bin Mastor

**JAWATANKUASA KAWASAN-KAWASAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

KAWASAN KUALA PILAH

Yang Dipertua	: Tn. Haji Mazlan bin Borhan
Naib Yang Dipertua	: Alias bin Abdul Ghani
Setiausaha Kehormat	: Mohd. Noor bin Abdul Ghani
Pen. Setiausaha Kehormat	: Rokiah bte. Yusof
Bendahari Kehormat	: Tan Lye Kiat
Ahli Jawatankuasa	: Alias bin Tijad
	Salma bin Mustapa
	Sabariah bte. Shukur
	Abd. Latif bin Idrus
	Tn. Haji Annuar bin Yaacob
	Abdul Rahman bin Ismail
	Zainal bin Adam
	Lee Chin Siong
	Chan Meng Chai
	Pn. Hajjah Rohayati binti Abdullah
	Zakaria bin Sulaiman
	M. Sokanathan
	Zakiah
Pemeriksa Kira-kira	: Maspan bin Mat Ubin
	Yaakob bin Salleh

KAWASAN PORT DICKSON

Penaung	: YB. Tuan Haji Sainy bin Edris
Yang Dipertua	: Malik bin Sohor
Naib Yang Dipertua	: Tn. Haji Kamarudin bin A. Hassan
Setiausaha Kehormat	: Abd. Rahim bin Ismail
Pen. Setiausaha Kehormat	: Azmi bin Ayob
Bendahari Kehormat	: Rusiah binti Jalil
Ahli Jawatankuasa	: Hassan bin Hamzah Awalludin bin Abu Hassan Azmi bin Mohammad Abd. Razak bin Ibrahim Muzahar bin A. Samad Kuttappan Zaharah binti M. Nadzir Toh Hong Su Zakaria bin Mohamad P. Kandasamy
Pemeriksa Kira-Kira	: Shamsuddeen bin Abd. Aziz Yeo Ing Kiat

KAWASAN TAMPIN

Yang Dipertua	: Tn. Haji Ismail bin Adnan
Naib Yang Dipertua	: Kamarudin bin Udin
Setiausaha Kehormat	: Pn. Hajjah Esah binti Jantan
Pen. Setiausaha Kehormat	: Tn. Haji Mohd. Isa bin Haji Wahab
Bendahari Kehormat	: Tn. Haji Ibrahim bin Yon
Ahli Jawatankuasa	: Mohd. Kadzri bin Haji Ibrahim Nordin bin Mohd. Nor Rokiah binti Kamaruddin

Pemeriksa Kira-Kira

Mohd. Jaafar bin Kassim
 Mohd. Farid bin Haji Mohd. Yatim
 Abara bin Ahmad Munir
 Vickraman
 Tn. Haji Azam bin Md. Atan
 Nordin bin Sulaiman
 Kassim bin Ahmad
 : Tn. Haji Hussin bin Hassan Jabal
 Maspan bin Ubin

KAWASAN JELEBU

Penaung

: Yang Teramat Mulia Dato' Mendika
 Menteri Akhirulzaman Dato' Haji
 Musa bin Wahab

Yang Dipertua

: Tn. Haji Mohd. Jan bin Othman

Naib Yang Dipertua

: Zakaria bin Arshad

Setiausaha Kehormat

: Tn. Haji Ibrahim bin Che' Mat

Pen. Setiausaha Kehormat

: Idris bin Haji Ludin

Bendahari Kehormat

: Tn. Haji Syed Loed bin Syed Yusof

Ahli Jawatankuasa

: Mohd. Amir bin Mohd. Baki

Jamali bin Salam

Baharom bin Mohd. Amin

Tn. Haji Husein bin Rashid

Samsudin bin Hamidan

Haliza binti Yusof

Mohd. Razali bin Abdul Rahman

Zainab binti Idris

Pemeriksa Kira-Kira

: Razak bin Junus

Tn. Haji Zainal Abidin bin Hj. Ahmad

KAWASAN REMBAU

Penaung	: Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja Dato' Mohd. Sharip bin Haji Othman
Yang Dipertua	: Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Naib Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Faiz b. Hj. Burhanuddin
Setiausaha Kehormat	: Mohamad bin Haji Amoi
Pen. Setiausaha Kehormat	: Norzali bin Haji Ibrahim
Bendahari Kehormat	: Dato' Haji Nordin bin Awal
Ahli Jawatankuasa	: Datuk Purba Yahya bin Abdul Ghani Tok Putih Ramly bin Hj. Shamsuddin Tn. Haji Zainudin bin Alias Hamzah bin Majid Tn. Haji Abdul Aziz bin Haji Ahmad Taha bin Mohideen Aiani binti Sudeen
Pemeriksa Kira-kira	: Nordin bin Baharom

KAWASAN SEREMBAN

Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Taib bin Hussin
Naib Yang Dipertua	: Latifah binti Mohd. Rashid
Setiausaha Kehormat	: Zainab binti Yacob
Pen. Setiausaha Kehormat	: Sadariah binti Md. Jali
Bendahari Kehormat	: Norlia binti Abd. Karim
Pen. Bendaharai Kehormat	: Siti Zaharah binti Abd. Hamid
Ahli Jawatankuasa	: Azahar bin Jamaludin Kong Sang Junaidah binti Ibrahim

	Azimi bin Abdul Rahman
	Chai Lai Ching
	T. Thanemothy
Pemeriksa Kira-Kira	: R. Mugundan
	Rahimah binti Ibrahim

KAWASAN JEMPOL

Penaung	: YB. Dato' Haji Lilah binti Haji Yasin
Penasihat	: Tn. Haji Ujang bin Taha
	Shahidan bin Mokhtar
	Sayuti bin Mamat
	Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Yang Dipertua	: Tn. Haji Kamaruddin bin Ibrahim
Naib Yang Dipertua	: Robiah binti Hamid
Setiausaha Kehormat	: Mohd. Amirudin bin Yaman
Pen. Setiausaha Kehormat	: Abd. Aziz bin Otman
Bendahari Kehormat	: Rohana binti Mohd. Yusof
Ahli Jawatankuasa	: Amir Sharifudin bin Ahmad
	Tn. Haji Kahar bin Kasim
	Mohan Singh
	Zainal Abidin bin Idris
	Jamaludin bin Samsudin
	Salim bin Sarif
	Rosidah binti Abd. Rahman
Pemeriksa Kira-Kira	: Tn. Haji Hadi bin Abdul Ghani
	Elmy Azizan bin Abdul Aziz

KEPIMPINAN ADAT DALAM MASYARAKAT ADAT LINGKUNGAN DAN ADAT ISTIADAT ISTANA ¹

Oleh: Noorhayati Hj. Ibrahim

Pendahuluan

Soal pemimpin dan kepemimpinan dalam sesebuah masyarakat adalah penting bagi menentukan corak kemajuan dan perubahan sesuatu masyarakat. Baik masyarakat itu satu organisasi primitif mahupun organisasi yang bertamadun, kedua-duanya sama memerlukan pemimpin untuk membentuk corak kehidupan serta memimpin masyarakat dalam melaksanakan peraturan atau hukum.

Kepimpinan dalam masyarakat Seri Menanti berlandaskan dua konsep utama iaitu muafakat dan budi. Penulisan ini akan membincangkan tugas dan peranan pemimpin Adat Lingkungan baik dalam lingkungan anak buah masing-masing mahupun dalam adat-istiadat istana. Sebelum dijelaskan dengan lebih lanjut tentang tugas dan peranan pemimpin-pemimpin adat, perlulah difahami pengertian konsep peranan itu terlebih dahulu. Peranan dan kedudukan ialah konsep yang rapat sekali perkaitannya dalam pengajian sains kemasyarakatan.

Peranan dalam bahasa Inggeris ialah *roles* dan kedudukan pula diistilahkan sebagai *position* atau kadangkala disebut juga *status*. Ketiga-tiga istilah ini kerap digunakan untuk menyatakan satu pengertian tentang hak (*rights*), tugas-tugas (*duties*) atau tanggungjawab (*obligations*) seseorang dalam perhubungan kemasyarakatan. *A Modern Dictionary of Sociology* (Theodorson dan Theodorson, 1970:352) menyebut pengertian peranan sebagai:

A patent of behaviour, structured around specific rights and duties and associated with a particular status position within a group or social situation.

Terdapat juga pandangan lain yang menyebutkan:

The term social position is in many cases synonymous with terms like social status or social role, but this is because there is a general lack of precision in the use of these terms in sociological literature (Duncan, 1986:175).

Dengan ini seolah-olah tiada satu ketetapan tentang pengertian ketiga-tiga istilah kedudukan, taraf (status) dan peranan. Tafsiran dibuat mengikut pengertian penulis itu sendiri. Linton (1956) umpamanya menggunakan istilah taraf (status) dan peranan (role) dalam kehidupan masyarakat berkait rapat dengan pola-pola perhubungan yang timbal balik antara individu lain dalam sesuatu masyarakat. Dalam tiap-tiap satu pola perhubungan bertimbal balik ini, kedua-dua pihak yang berhubung ada kedudukan masing-masing yang dipanggil oleh Linton sebagai taraf (status). Oleh sebab tiap-tiap individu itu mengambil bahagian dalam berbagai-bagai pola perhubungan yang bertimbal balik dalam masyarakatnya, ia dikatakan mempunyai banyak kedudukan dan taraf. Misalnya seorang lelaki yang telah dewasa dan berumahtangga ialah suami kepada isteri; ayah kepada anak-anaknya; abang kepada adik-adiknya dan seumpamanya. Dalam keadaan yang lain pula ia mungkin seorang ketua kampung di kawasan tempat tinggalnya atau seorang imam di masjid kampungnya (Azizah Kassim, 1969:34). Dengan itu dapat dilihat bahawa seseorang lelaki itu, malahan individu-individu lain juga turut memenuhi berbagai-bagai taraf atau kedudukan dalam kehidupannya bermasyarakat.

Menurut Linton (1956:113-4) lagi tiap-tiap satu taraf atau kedudukan itu ada peranan-peranan yang mesti dijalankan oleh individu yang memenuhi taraf dan kedudukan itu, sebagaimana yang dinyatakannya:

A role represents the dynamic aspect of status when he puts the rights and duties which constitute the status into effects, he is performing a role. Role and status are quite inseparable, and the distinction between them is only on academic interest.

Linton menyatakan bahawa taraf adalah satu perlakuan yang unggul dan peranan merupakan perlakuan yang benar-benar dilakukan oleh seseorang yang memenuhi taraf itu. Dalam kata lain beliau menganggap taraf dan peranan merupakan dua aspek daripada satu perkara yang sama.

Talcott Parson pula, seperti yang dikutip oleh Banton (1965:27), mengutarakan pendapat bahawa peranan adalah tanggungjawab dan taraf merupakan hak-hak individu yang memenuhi kedudukan itu.

Ternyata di sini bahawa konsep peranan mempunyai kaitan yang rapat dengan taraf atau kedudukan seseorang individu dalam keadaan yang bertimbal balik antara individu dengan individu atau antara kumpulan dengan kumpulan dalam satu-satu masyarakat. Dalam perhubungan yang bertimbal balik ini kedua-dua pihak yang berhubung itu mempunyai kedudukan masing-masing dan setiap kedudukan itu ada peranan-peranan yang harus dijalankan.

Adat Lingkungan

Mungkin ramai yang masih tidak mengetahui tentang kewujudan Adat Lingkungan dalam suasana masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Adat Lingkungan ialah adat yang hanya diamalkan oleh beberapa suku di kampung-kampung yang terletak di sekitar atau di dalam lingkungan atau kawasan Seri Menanti. Adat ini telah mereka amalkan sejak awal kewujudan institusi Yang Dipertuan Besar atau sering disebut Yamtuan sahaja. Masyarakat yang mengamalkan Adat Lingkungan ini dikenali juga sebagai masyarakat 'Air Kaki Yamtuan'.

Seri Menanti ialah pekan diraja Negeri Sembilan dan di sinilah bersemayam Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang Dipertuan Besar sejak mula kawasan itu diletakkan bawah pentadbiran Yamtuan pertama iaitu Raja Melewar. Kewujudan Adat Lingkungan ini merupakan satu yang unik dalam sistem kemasyarakatan Negeri Sembilan kerana dikelilingi oleh masyarakat pengamal Adat Perpatih.

Suku-suku yang terletak di dalam kawasan Adat Lingkungan ialah Batu Hampar, Tanah Datar, Seri Lemak Pahang, Seri Lemak Minangkabau dan Tiga Batu. Kelima-lima suku tersebut dikenali sebagai suku Lingkungan Air Kaki Yamtuan. Suku-suku tersebut memasuki Adat Lingkungan secara

berasingan atau berlainan masa. Suku Batu Hampar dan Suku Tanah Datar merupakan suku yang paling awal mengamalkan Adat Lingkungan.

Sejarah golongan pemimpin masyarakat Adat Lingkungan dapat digalur daripada Yamtuan Raja Melewar. Selepas perkahwinan Raja Melewar dengan Cik Puan Sani, empat orang saudara Cik Puan Sani telah dilantik sebagai ketua atau pembesar bagi menguruskan segala hal yang berhubung dengan keluarga diraja serta adat istiadat istana. Dengan itu wujud gelaran Orang Empat Istana yang terdiri daripada Datuk Seri Amar Diraja, Datuk Raja Dewangsa, Datuk Penghulu Dagang dan Datuk Akhir Zaman. Jawatan Datuk Seri Amar Diraja dan Datuk Raja Dewangsa merupakan pusaka bagi suku Batu Hampar. Manakala Datuk Penghulu Dagang dan Datuk Akhir Zaman pusaka bagi suku Tanah Datar. Keempat-empat mereka bertindak sebagai lembaga bagi suku masing-masing.

Melalui masa masyarakat Adat Lingkungan ini semakin bertambah dan berkembang dengan kemasukan beberapa suku lain daripada masyarakat Adat Perpatih yang berada di luar Seri Menanti (Hooker, 1972:121).

Peranan Pemimpin Adat dalam Masyarakat Adat Lingkungan

Pada lazimnya masyarakat desa merupakan masyarakat yang *simple* daripada segi struktur dan organisasinya serta mempunyai hubungan yang rapat antara ahli dalam masyarakatnya. Dalam pemilihan ketua, ahli-ahli masyarakat lebih memandang kepada tingkat umur yang lebih tua serta mempunyai pengalaman yang lebih luas. Mengikut Syed Husin Ali (1986:110) dalam kajiannya atas masyarakat di Kerdau dan Bagan, perlantikan ketua haruslah dengan persetujuan bersama antara individu dalam masyarakat itu. Ketua yang dilantik itu berperanan untuk memberi nasihat, tunjuk ajar atau keputusan berhubung dengan masalah-masalah yang wujud dalam masyarakat itu seperti urusan kematian, perkahwinan, nikah-ceraai dan kebajikan terhadap masyarakat.

Dalam bidang politik atau pentadbiran, peranan ketua atau pemimpin adalah untuk menjadi penghubung antara pihak pemerintah dan ahli-ahli komuniti atau sebaliknya. Pemimpin-pemimpin ini secara umumnya berperanan menjaga kebajikan anak-anak buahnya, ia dihormati dan segala cakupnya didengar dan biasanya menjadi ketua di dalam majlis-majlis atau upacara-upacara adat. Ini memperlihatkan bahawa pemimpin mempunyai

status tinggi daripada pandangan ahli-ahli komunitinya. Pemimpin ini akan dicontohi oleh ahli-ahlinya jika ia dapat mempraktikkan serta menjaga nilai-nilai dan norma-norma masyarakat itu. Sekiranya pemimpin-pemimpin ini gagal dalam peranannya itu, maka sudah pasti ia tidak akan dipercayai oleh anak-anak buahnya, malahan ini akan menurunkan darjah kepimpinannya.

Perhubungan antara pemimpin dengan ahli-ahli dalam masyarakatnya adalah rapat dan saling bergantung antara satu sama lain. Pihak pemimpin akan cuba mempertahankan statusnya di kalangan ahli-ahli atau anak buahnya. Ini adalah semata-mata untuk kepentingan bersama dalam masyarakat itu.

Perlantikan Ketua Adat Lingkungan

Pada lazimnya perlantikan seseorang pemimpin atau ketua adat dalam masyarakat Adat Lingkungan secara tradisi dijalankan melalui beberapa peraturan dan upacara ringkas menurut adat istiadat yang ditentukan. Dalam perlantikan buapak, pemilihan dilakukan atas dasar permuafakatan dan persetujuan pihak waris soko², seresam dan seadat. Calon yang dipilih biasanya adalah daripada anggota perut yang berhak dan tertumpu pada calon yang layak sahaja. Kelayakan ini ditentukan setelah dikaji daripada segi latar belakang keturunannya dan ia juga mestilah seorang yang tahu selok-belok adat. Setelah ada persetujuan daripada golongan yang berhak itu maka peranan lembaga adalah mengesahkan calon yang dikemukakan. Dalam masyarakat Adat Lingkungan, buapak yang dilantik bukan sekadar mendapat pengesahan lembaga sahaja tetapi mestilah juga mendapat pengesahan daripada Penyelia Adat yang bertindak sebagai wakil Yamtuan³.

Perlu juga dinyatakan bahawa perlantikan buapak dalam Adat Lingkungan biasanya dipilih daripada besar waris sesuatu suku. Misalnya bagi suku Tiga Batu Kampung Buyau perlantikan buapak dipilih daripada salah seorang daripada besar waris berikut:

1. Datuk Pelembang
2. Datuk Perdana
3. Datuk Panglima Sultan
4. Datuk Menteri Kaya
5. Datuk Seri Maharaja
6. Datuk Memperang

Menurut keterangan Datuk Panglima Jaya Hassan dari Kampung Buyau Seri Menanti (1987) sekiranya tidak mendapat persetujuan untuk melantik salah seorang daripada besar waris tersebut sebagai buapak, maka dibolehkan melantik salah seorang yang lain daripada suku tersebut yang dianggap layak⁴. Peranan besar waris dalam suku adalah sebagai pembantu kepada buapak dalam segala hal adat-istiadat. Malahan mereka dibolehkan mengambil alih tugas dan peranan buapak sekiranya buapak tidak dapat hadir dalam sesuatu upacara adat.

Sementara itu, dalam proses perlantikan lembaga pula, selain mendapat persetujuan atau kata sepakat anak buah dan buapak, Yamtuan atau wakilnya turut memainkan peranan penting dalam memilih seseorang calon lembaga. Berdasarkan kebulatan semua anak buah dan buapak, nama calon dikemukakan kepada Yamtuan atau wakilnya untuk mendapat persetujuan selanjutnya. Tetapi pada masa ini seseorang waris yang berasa dirinya berhak dan layak boleh mengemukakan permohonannya untuk menjadi calon lembaga kepada Yamtuan. Walau bagaimanapun kuasa pemilihan atau perlantikan terletak di tangan Yamtuan untuk memilih sesiapa yang beliau suka. Misalnya Datuk Penghulu Dagang Adam, sendiri dilantik sebagai Orang Empat Istana pada tahun 1934 atas persetujuan Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yamtuan Negeri Sembilan Kelapan. Malahan Yamtuan juga berhak memecat lembaga jika beliau mahu tetapi setakat ini belum ada pemecatan yang dilakukan atas pembesar Adat Lingkungan. Bagaimanapun, kuasa perlantikan, pengesahan dan pembatalan kuasa terletak di tangan Yamtuan dan bukannya di tangan Penghulu Luak atau Undang seperti dalam Adat Perpatih⁵. Menurut Datuk penghulu Dagang Adam, semasa upacara pengesahan jawatan di hadapan Yamtuan, seorang lembaga itu dikehendaki membawa satu tepak sireh yang dibungkus dengan kain kuning berserta dengan wajik dan penganan sebagai pemberian adat yang disebut *boko*.

Penulis beranggapan bahawa perlantikan ketua adat dalam masyarakat Adat Lingkungan tidak terlalu rumit sebagaimana yang terdapat dalam Adat Perpatih⁶ memandangkan perlantikan buapak atau lembaga dalam Adat Lingkungan tidak memerlukan upacara adat istiadat secara besar-besaran. Sekiranya mereka hendak berjamu, memadai dengan membuat jamuan yang sederhana untuk mengisytiharkan perlantikannya kepada seluruh anak buah. Jika mereka tidak berbuat demikian, bukanlah menjadi satu kesalahan.

Apa yang dapat diperhatikan, proses perlantikan ketua adat bagi suku-suku dalam Adat Lingkungan tidak banyak perbezaannya tetapi apa yang perlu diberi perhatian ialah waris dan soko itu. Misalnya untuk melantik lembaga tadi, maka waris yang dikemukakan itu mestilah daripada suku berkenaan, layak dan berhak dan tidak boleh daripada suku lain.

Adat Istiadat Kematian Ketua Adat

Menurut keterangan Datuk Penghulu Dagang apabila salah seorang daripada Orang Empat Istana meninggal dunia hendaklah dipasang dua kaki payung kuning, dua batang tombak benderang, dua bilah keris panjang, dua bilah keris pedang panjang dan dua batang tonggol yang kesemuanya diambil dari istana.

Alat-alat kebesaran tersebut dipasangkan di tengah-tengah halaman rumah simati. Sementara itu di atas rumah hendaklah dipasang tabir langit-langit dan tabir panjang yang berwarna kuning dan kain sampain berbentuk segi tiga yang berukuran 1/2 kaki persegi sebanyak lapan helai hendaklah juga digantung (keterangan Datuk Dagang Adam, 1987).

Satu lagi perkara menarik ialah usungannya mestilah dibuat daripada kayu batang pinang setinggi tiga tingkat dan ditutup dengan kain kuning. Dalam perjalanan ke kubur pula hendaklah dipayungkan dengan payung kuning. Di samping itu juga terdapat sedekah adat iaitu duit yang biasanya dibungkus dengan daun dedap⁷. Duit yang dibungkus ini akan disedekahkan kepada ketua-ketua adat yang datang berziarah pada hari kematian tersebut. Pembahagiannya adalah seperti berikut⁸:

Orang Empat Istana	-	enam bungkus
Lembaga Luak Ulu Muar	-	empat bungkus
Buapak	-	tiga bungkus
Pegawai	-	tiga bungkus

Persediaan-persediaan yang terdapat dalam istiadat kematian ini dapatlah dianggap sebagai lambang kebesaran ketua adat khususnya Orang Empat Istana yang memainkan peranan penting dalam lingkungan anak buahnya serta berperanan dalam soal adat istiadat istana. Oleh sebab kedudukan mereka yang tinggi dalam masyarakat maka tidak hairanlah jika mereka diberi keistimewaan-keistimewaan tertentu.

Peranan Ketua Adat dalam Pembahagian Harta Pusaka

Harta merupakan perkara penting dalam masyarakat Adat Lingkungan dan Adat Perpatih. Peranan ketua adat yang paling nyata adalah dalam soal "harta pusaka benar". Pada lazimnya harta pusaka benar ini diletakkan bawah pengawasan ketua adat seperti yang dibayangkan dalam perbilangan:

Sawah yang berjinjang
Pinang yang gayu
Nyior yang saka
Lembaga yang punya.

(Abdullah Siddik, 1975:149)

Ini bermakna Lembaga mempunyai kuasa yang besar atas tanah pusaka benar. Dalam soal pewarisan harta, terdapat tiga unsur penting yang perlu diperhatikan dan diselesaikan menurut hukum adat waris iaitu:

- i Ada yang meninggal dunia
- ii Ada ahli waris yang akan mewarisi
- iii Ada harta peninggalan simati.

Dalam peraturan adat tanah pusaka bagi Air Kaki Lingkungan, adalah ditetapkan bahawa tanah pusaka kampung dan sawah dalam lingkungan istana merupakan milik suku turun-temurun. Justeru itu penjualan harta pusaka amat dilarang dalam adat. Dalam hal ini ketua adat berperanan penting untuk mempertahankan harta ini daripada dijual. Namun, ada beberapa syarat yang membolehkan harta khususnya tanah pusaka untuk dijual mengikut perbilangan:

Rumah gadang ketirisan
Adat pusaka tak berdiri
Gadis gadang tak berlaki
Mayat terbujur di tengah rumah.

Perbilangan tersebut jelas memperlihatkan keterlibatan maruah suku. Walau bagaimanapun kemungkinan perkara ini amat sedikit berlaku. Jika terpaksa juga dijual, maka bagi orang Air Kaki Lingkungan bolehlah menjual tanah pusakanya antara satu sama lain yakni dalam lingkungannya sahaja dengan kebenaran ketuanya iaitu Orang Empat Istana atau salah seorang

Apit Lempang Orang Empat Istana. Tidak sekali-kali dibenarkan mereka menjual tanah pusaka kepada orang suku 12. Menurut *Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan) 1960*:

Tiada sebarang tanah lengkungan atau apa-apa kepentingan di dalamnya boleh dipindah milik atau dipajak kepada mana-mana orang selain anggota kepada suku yang dinyatakan.

Pada teorinya, aturan tanah pusaka adat bagi Air Kaki Lingkungan dikatakan menurut Adat Temenggung yang selaras dengan hukum syarak. Akan tetapi pada praktiknya apabila mati seseorang perempuan ahli adat Lingkungan anak lelakinya tidak berhak menuntut harta pusaka adat ibunya. Jika ia tidak ada meninggalkan anak perempuan maka dicari warisnya mengikut adat dalam Air Kaki Lingkungan sahaja (Sheehan dan Abdul Aziz, 1936:212). Menurut Hj. Mohd. Nor, pembahagian harta pusaka Adat Lingkungan adalah diturunkan sama banyak kepada anak-anak baik lelaki maupun perempuan. Selanjutnya apabila anak lelaki itu meninggal dunia, hartanya tidak diwarisi oleh anaknya tetapi kembali kepada waris perempuan⁹. Sebagai contoh, si A mempunyai seorang anak lelaki (B) dan dua orang anak perempuan (C dan D). Apabila A mati, ketiga-tiga anaknya menerima harta pusaka sebanyak $\frac{1}{3}$ tiap-tiap seorang. Kemudian apabila B mati harta tersebut akan pindah kepada warisnya C dan D (perempuan) sebanyak $\frac{1}{6}$ setiap seorang. Ini bermakna anak-anak si B tidak berhak memperoleh harta tersebut.

Tegasnya terdapat 'kekeliruan' dalam pembahagian harta pusaka dalam Adat Lingkungan. Adalah sukar untuk kita menerima pandangan sama ada adat ini mengikut Adat Temenggung ataupun mengikut syarak. Selanjutnya jika seorang semenda bukannya orang Air Kaki Lingkungan, ia tidak dibenarkan menerima harta tanah pusaka daripada isterinya atau anaknya walau dengan jalan apa pun¹⁰. Demikian juga jika seseorang daripada suku lingkungan menyemenda dalam suku 12 hendaklah diturunkan tanah pusaka isterinya mengikut Adat Perpatih; dan anak lelaki atau waris dalam syarak tidak boleh menuntut. Seringkali juga berlaku dalam Air Lingkungan tanah pusaka diturunkan kepada anak perempuan dan bahagian anak lelaki diganti dengan wang atau harta lain. Ini menunjukkan tiada keselarasan ataupun ketetapan amalan adat dalam masyarakat Adat Lingkungan.

Satu perkara yang menyentuh sistem pemilikan tanah adat telah timbul dalam tahun 1909 dalam satu undang-undang yang dikenali sebagai 'The Customary Tenure Enactment'¹¹. Enakmen 1909 ini kemudiannya dipinda dalam tahun 1926 dan sekali lagi dalam tahun 1930. Dengan enakmen tersebut, pegawai-pegawai kerajaan di Pejabat Daerah tempatan bertindak sebagai Pemungut Hasil Tanah (*Collector of Land Revenue*) dan diberi kuasa untuk menjaga tanah-tanah pusaka sama ada pemindahan atau penjualannya mengikut batas-batas yang ditetapkan dalam Undang-undang Adat. Hal ini secara tidak langsung telah mengurangkan peranan ketua adat dalam soal yang berhubung dengan tanah pusaka sesuatu suku itu.

Sekiranya hendak menuntut untuk mendaftar diri sebagai pengganti pemilik tanah pusaka, seseorang itu mestilah membuat permohonan kepada pemungut (*Collector*) untuk dicatatkan namanya sebagai pemilik berdaftar. Pemungut kemudian menghantar notis kepada setiap ahli waris yang lain supaya hadir pada hari yang ditetapkan di pejabat tanah. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli waris yang lain mengeluarkan pendapat masing-masing sama ada setuju atau tidak. Harus juga dinyatakan bahawa sebelum perbicaraan dijalankan, waris-waris dikehendaki mengangkat sumpah¹². Perbicaraan diadakan di pejabat tanah dan dihadiri oleh ahli-ahli waris, datuk lembaga dan wakil kerajaan iaitu Pengarah Tanah dan Galian. Dalam hal ini, peranan lembaga hanya menjadi saksi kepada setiap keterangan ahli waris.

Ternyata bahawa dalam urusan dengan pejabat tanah hanya peranan lembaga sahaja diperlukan. Buapak yang mempunyai hubungan rapat dengan anak buah bertindak sebagai orang perantaraan antara anak buah dengan lembaga. Segala keterangan yang berhubung dengan pertalian sanak-saudara sipemohon adalah menjadi tanggungjawab buapak untuk menyiasatnya dan kemudian akan memberitahu kedudukan sesuatu perkara kepada lembaga.

Sekiranya terdapat sesebuah keluarga yang tidak mengikut pertalian sanak-saudara yang sepatutnya ataupun kalau ada sebarang *appeal* maka satu lagi perbicaraan yang lebih tinggi perlu diadakan. Biasanya perbicaraan itu dihadiri oleh wakil Yamtuan dan wakil kerajaan sahaja. Menurut Hj. Mohd. Nor, pada peringkat ini kehadiran ahli waris atau lembaga tidaklah perlu kerana peranan mereka hanya sebagai saksi dalam perbicaraan peringkat yang pertama tadi¹³.

Berhubung dengan ini Abdullah Siddik (1975:148) menyebutkan bahawa dengan adanya Enakmen 1909 (*The Customary Tenure Enactment 1909*) menyebabkan ketua adat (Lembaga) tidak lagi mempunyai kuasa pemutus. Peranannya hanya terhad sebagai saksi yang memberi keterangan tentang kedudukan satu-satu perkara seperti pertalian sanak saudara yang berkaitan. Menurut beliau lagi kata putus berada di tangan Pemungut (*Collector*), kerana Pemungut tidak terikat kepada keterangan ketua adat. Walau bagaimanapun pendapat ini masih boleh dipertikaikan kerana Lembaga harus memberi keterangan tentang segala hal yang berhubungan dengan ahli-ahli waris kepada Pemungut. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada pendapat Haji Mohd. Nor bahawa kalau tiada lembaga, perbicaraan tidak akan dapat dijalankan dan keputusan seseorang Pemungut itu tertakluk kepada keterangan lembaga. Jika lembaga memberi keterangan palsu maka dipercayai bahawa ia akan di makan "sumpah"¹⁴.

Ternyata bahawa peranan lembaga dalam soal pembahagian dan penjualan harta pusaka adat masih lagi diperlukan. Namun jika diteliti lebih mendalam peranan mereka tidak sepenting pada zaman sebelum adanya pengaruh penjajah.

Menurut Haji Abbas bin Ali (1974:13):

Sejak kurang lebih 40 tahun, apabila daerah telah dipecahkan kepada beberapa mukim dan penghulu mukim telah diadakan maka kuasa datuk-datuk lembaga yang khususnya bertanggungjawab dalam urusan tanah mengikut peranan mereka pada mula-mulanya telah tidak lagi penting kecuali dalam hal-hal mengenai penukaran nama tanah pusaka sahaja kerana dia menentukan jika dikehendaki oleh Pegawai Daerah.

Tegasnya peranan lembaga pada zaman tradisi adalah lebih meluas baik dalam soal pembahagian harta pusaka mahupun dalam soal adat istiadat yang lain. Peranan ketua adat juga dapat dilihat dalam jenis-jenis harta yang lain iaitu harta carian dan harta pembawaan. Dalam konteks pembahagian harta carian dan harta pembawaan, buapak berperanan dalam menentukan siapa yang berhak. Menurut Parr dan Mackray (1910:36) peranan ketua adat dalam harta jenis ini ialah:

..... the bridegroom's private property (harta terbawa) must be declared in his presence, he makes the division of acquired property (harta pencarian) at divorce.

R.O. Winstedt (1961:82; 1934:87) juga ada menyebutkan tentang peranan ketua adat ini sebagai berikut:

..... while the tribal chief is expressly concerned with tribal lands, the elder is the proper qualified witness for all formal payments made to or/by a member of the subtribe, the declaration of a husband's private property at marriage and its return at divorce.

Peranan buapak dalam soal harta pembawaan adalah mengisytiharkan harta itu pada hari perkahwinan. Sementara dalam harta carian pula buapak menentukan bahagian untuk isteri, suami dan anak-anak semasa bercerai. Kini peranan buapak dalam soal pembahagian harta ini tidak begitu dipraktikkan kecuali jika wujud kerumitan yang besar sehingga memerlukan peranan buapak dalam penyelesaiannya.

Peranan Ketua Adat dalam Perkahwinan

Dalam istiadat perkahwinan atau persemendaan peranan buapak kelihatan agak lebih ketara. Lembaga hanya sebagai tempat merujuk bagi buapak jika terdapat sebarang masalah yang rumit dan tidak dapat diselesaikan oleh buapak. Di kalangan masyarakat Melayu amnya perkahwinan disambut dengan berbagai-bagai adat istiadat.

Perkahwinan dapat dilihat daripada dua aspek iaitu agama dan adat istiadat. Tuntutan agama dalam perkahwinan yang utama sekali ialah upacara nikah dan kemudian disertai dengan upacara-upacara lain yang dianggap penting daripada segi adat dan tradisi seperti meminang, mengembang cincin¹⁵, menghantar belanja, berinai, bersanding dan lain-lain (Mazenah bte Piei, 1982:26). Pada tahap-tahap upacara inilah nanti dapat dilihat peranan buapak dalam hal persemendaan.

Berhubung dengan soal persemendaan ini terdapat peraturan-peraturan tertentu dalam adat apabila seseorang lelaki menyemenda dalam mana-mana suku dalam Adat Lingkungan. Sebagaimana dalam masyarakat lain, masyarakat Adat Lingkungan juga menjalankan adat pinang meminang

dan cincin merupakan elemen penting sebagai tanda peminangan dan mempunyai syarat-syarat tertentu.

Jika anak perempuan daripada suku Batu Hampar Air Kaki dipinang oleh lelaki daripada suku 12 atau masyarakat luar hendaklah dengan dua bentuk cincin, iaitu sebetul incin bergunta dan sebetul cincin bunga serunai¹⁶, manakala anak perempuan daripada Adat Lingkungan dengan dua bentuk cincin bunga serunai sahaja. Selain itu mas kahwin bagi masyarakat Adat Lingkungan berbeza daripada suku 12, misalnya pada masa ini mas kahwin bagi Adat Lingkungan ialah RM52.00 dan Adat Perpatih RM48.00¹⁷. Di samping itu dalam masyarakat Adat Lingkungan terdapat pemberian khas untuk buapak yang disebut 'mas manah'¹⁸. Sekiranya lelaki daripada suku Adat Lingkungan berkahwin dengan perempuan suku 12 mas manahnya ialah RM12.00 dan sebaliknya jika lelaki daripada suku 12 berkahwin dengan perempuan suku Adat Lingkungan mas manahnya ialah sebanyak RM14.00.

Tetapi andainya perkahwinan berlaku antara suku dalam Adat Lingkungan sahaja maka tidak ada mas manah. Pada pandangan penulis pemberian mas manah ini merupakan hadiah khas untuk buapak yang telah banyak menyumbangkan tenaga dalam hal persemendaan ini sejak mula hingga berakhirnya upacara tersebut.

Seterusnya peranan buapak dapat dilihat jika berlaku perlanggaran adat sebagaimana yang disebut oleh Sheehan dan Abd. Aziz Khamis (1936:112) sebagai merumah¹⁹ atau menyerah²⁰ tanpa mengikut 'tali yang merentang, jalan yang berlatih' maka dikenakan bayaran mas kahwin sebagai berikut:

i.	Anak dara Air Kaki Batu Hampar	RM 120.00
	Janda Air Kaki Batu Hampar	RM 60.00
ii.	Anak dara Air Kaki Lingkungan	RM 80.00
	Janda Air Kaki Lingkungan	RM 40.00

Perlu juga dinyatakan di sini bahawa Adat Lingkungan membenarkan semenda menyemenda dalam suku (endogami) tetapi tidak digalakkan. Dalam Adat Perpatih, kahwin sesuku adalah larangan utama²¹ kerana menurut kepercayaan, keturunan hasil daripada perkahwinan itu akan ada cacat celanya - tidak cukup sifat, bodoh dan sebagainya.

Menurut Adat Lingkungan jika seseorang lelaki daripada Air Kaki Lingkungan berkahwin dengan perempuan daripada suku 12, hendaklah perempuan itu 'keluar' dengan segala hartanya daripada lingkungan lembaganya (Sheehan & Abd. Aziz Khamis, 1936:211). Akan tetapi lazimnya yang berlaku pada masa sekarang orang Adat Lingkungan itu menumpang sahaja di atas tanah pusaka isterinya dan anaknya mengikut adat ibunya. Ini bermakna pertalian antara seseorang lelaki dengan sukunya sendiri 'terputus' secara automatik sebaik sahaja ia berkahwin. Hal ini serupa dalam Adat Perpatih.

Di samping itu seseorang suami mempunyai kewajipan terhadap suku isterinya seperti menurut perbilangan adat (Othman Ishak, 1982:77):

Orang Semenda seresam
Orang tempat semenda seadat.

Orang semenda harus patuh pada tata tertib hidup bermasyarakat dalam suku isterinya dan mereka adalah diharapkan berkelakuan baik serta tidak melanggar pantang larang adat²² seperti kata perbilangan:

Diberi satu ambil dua
Enau sebatang dua sigai
Pelesit dua sekampung.

Perbilangan tersebut memperlihatkan bahawa, adat melarang orang semenda bertujuan tidak baik terhadap anggota-anggota perempuan dalam rumah isterinya.

Setiap peraturan tersebut harus dipatuhi. Dalam hal ini ketua adat harus memastikan bahawa segala peraturan tersebut dijalankan dengan sempurna dan tidak berlaku pelanggaran adat. Perlu difahamkan bahawa upacara dan adat istiadat perkahwinan dalam Adat Lingkungan tidak banyak berbeza dengan Adat Perpatih kecuali dalam soal mas kahwin dan syarat-syarat lain yang telah dijelaskan di atas tadi.

Nyata peranan buapak begitu penting dalam hal mengatur kerja untuk persiapan pada hari kenduri itu. Sebagai pemimpin adat yang dihormati segala arahan dan nasihat buapak harus dipatuhi oleh anak buah. Sebarang perselisihan yang wujud, buapak yang bertanggungjawab menyelesaikan-

nya dan andai kata ia tidak mampu menyelesaikannya masalah itu akan dirujuk pula kepada lembaga²³.

Ternyata di sini bahawa peranan ketua adat khususnya buapak dan lembaga dalam masyarakat Adat Lingkungan agak menyeluruh atau meluas dalam segala aspek yang merangkumi adat istiadat dan kehidupan seharian.

Baik dalam soal perselisihan anak buah, persemendaan, pembahagian harta maupun dalam segala hal yang berhubung dengan adat istiadat memperlihatkan fungsi dan peranan pemimpin-pemimpin adat ini.

Secara keseluruhan, golongan pemimpin mempunyai peranan dalam menjaga kesejahteraan hidup anak buahnya atau orang yang di bawah pimpinannya. Dalam Adat Lingkungan terdapat pelbagai undang-undang atau hukum adat sebagai peraturan dan pedoman hidup bermasyarakat. Tetapi hukum adat ini pada lazimnya tersimpul dalam perbilangan adat yang menjadi panduan kepada pemimpin-pemimpin adat dalam menjalankan tugasnya. Tegasnya berdasarkan kata-kata perbilangan adat itulah seseorang pemimpin adat menjalankan tindakan yang harus dilakukannya jika berlaku sesuatu masalah dan kekusutan serta apa juga permasalahan yang timbul yang memerlukan pandangan dan nasihat pemimpin tersebut.

Peranan Pemimpin Adat dalam Adat Istiadat Istana

Pemimpin adat yang dimaksudkan ialah pegawai-pegawai istana yang berperanan dalam menyempurnakan adat istiadat di istana. Di kalangan pegawai-pegawai istana ini ada antaranya yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin adat masyarakat Lingkungan khususnya buapak dan lembaga yang berjawatan seperti Orang Empat Istana, Pegawai Yang Enam, Apit Lempang Orang Empat Istana dan sebahagian daripada Pegawai 99.

Jawatan istana yang tertinggi adalah dipegang oleh anggota-anggota diraja iaitu Putera Yang Empat. Putera Yang Empat itu terdiri daripada:

- i. Tunku Besar
- ii. Tunku Laksamana
- iii. Tunku Muda Serting
- iv. Tunku Panglima Besar

(Tunku Abdullah, 1972:6)

Tunku Besar berfungsi sebagai ketua kepada putera puteri Negeri Sembilan. Perana baginda adalah menyambut keberangkatan raja-raja dari luar Negeri Sembilan ke istana serta menjadi wakil Yamtuan apabila dititahkan daripada segi adat istiadat dan hal ehwal agama. Tunku Laksamana pula berperanan menerima penghadapan daripada datuk-datuk kecuali Orang Empat Istana dan Penghulu-Penghulu Luak. Baginda juga bertanggungjawab atas segala hal ehwal menyempurnakan peraturan adat istiadat apabila diadakan majlis dalam istana. Sementara Tunku Muda Serting bertanggungjawab atas segala lawatan DYMM ke luar negeri. Tunku Panglima Besar pula berperanan menerima penghadapan Pegawai 99 serta bertanggungjawab atas hal ehwal Pegawai 99 termasuk peraturan kedudukan dalam tiap-tiap majlis di Balairong Seri dan menentukan cara-cara jemputan rasmi dan tatacara berpakaian.

Tugas dan tanggungjawab Putera Yang Empat ini dibantu oleh Anak-Anak Raja Bergelar (Tunku Abdullah, 1972:7) iaitu:

- i. Tunku Imam membantu Tunku Besar
- ii. Tunku Alang membantu Tunku Laksamana
- iii. Tunku Kecil Besar membantu Tunku Muda Serting
- iv. Tunku Kecil Muda membantu Tunku Panglima Besar

Walaupun terdapat pengkhususan terhadap peranan yang dimainkan oleh Putera Yang Empat, namun pada praktiknya peranan mereka tidaklah spesifik seperti itu dan sebaliknya berubah antara satu sama lain mengikut keadaan. Selain itu, peranan mereka adalah menerima sebarang pengaduan terhadap keluarga diraja dan merekalah yang menyiasat tuduhan-tuduhan itu. Misalnya kalau ada pertunangan diraja yang dibatalkan, Putera Yang Empatlah yang menentukan siapa salah dan siapa benar dan yang menghukumnya Yamtuan (Nordin Selat, 1982:61). Putera Yang Empat juga menerima Undang yang datang ke Istana Seri Menanti dan kemudiannya menyuruh Orang Empat Istana mengiringi Undang itu menghadap Yamtuan. Putera Yang Empat juga daripada segi adat istiadat menerima ganti anggota Pegawai 99 apabila ada yang meninggal dunia (Nordin Selat, 1982:61).

Sebagaimana yang dinyatakan pada peringkat awal, jawatan Orang Empat Istana merupakan jawatan tertinggi bagi anggota-anggota yang tidak berdarah raja dengan gelaran Seri Amar Diraja, Raja Diwangsa, Penghulu Dagang dan Akhir Zaman. Tugas mereka termasuklah 'memegang kunci

peti benayan' (peti adat dan pusaka) iaitu tempat menyimpan salasilah raja, undang, penghulu, pegawai-pegawai istana dan peraturan-peraturan warisan jawatan. Mereka inilah yang bertanggungjawab melihat dan menyemak salasilah yang berkenaan bila seseorang itu mula memegang jawatan. Di samping itu, Orang Empat Istana mestilah mengetahui segala hal adat istiadat diraja serta bertanggungjawab bagi pelaksanaan semua adat istiadat. Pendek kata, nasihat mereka diminta dalam semua hal protokol adat istiadat diraja. Ini bermakna Orang Empat Istana bukan sahaja bertanggungjawab sebagai Lembaga dalam hal ehwal sukunya tetapi juga bertanggungjawab dalam hal adat istiadat di istana.

Sebagai pegawai istana yang bertanggungjawab dalam soal adat istiadat, Orang Empat Istana mestilah mengetahui segala adat yang berhubung dengan Yamtuan, Tengku Ampuan atau Cik Puan dan kalian putera-puteri. Pepatah menyatakan bahawa anak-anak putera itu ialah 'peluk ambian'²⁴ Orang Empat Istana. Oleh itu mengikut adat, Orang Empat Istana hendaklah mengetahui serba-serbi tentang adat istiadat seperti kata pepatah 'pesan dituruti, pertaruh dipermalami'.

Dalam konteks ini, penulis hanya menumpukan perbincangan dalam soal istiadat peminangan dan perkahwinan sahaja. Ini kerana peranan pemimpin-pemimpin adat yang menjadi fokus penulisan ini adalah serupa sahaja dalam setiap istiadat yang dijalankan iaitu sebagai pembantu bagi menyempurnakan aturan adat istiadat.

Peranan Ketua Adat dalam Pinang Meminang

Peraturan istiadat peminangan diraja Negeri Sembilan dapat dibahagikan kepada empat (Tunku Abdullah, 1972:1):

- i. Antara putera-puteri Negeri Sembilan
- ii. Antara putera luar meminang puteri Negeri Sembilan
- iii. Antara putera Negeri Sembilan dengan puteri luar
- iv. Antara puteri Negeri Sembilan dengan orang kebanyakan

Antara putera-puteri Negeri Sembilan, yang menguruskan istiadat peminangan ialah Orang Empat Istana dengan persetujuan ayahanda kedua-dua pihak serta putera dan puteri yang berkenaan. Untuk menjaga kehormatan, jika salah satu pihak tidak bersetuju maka bolehlah memohon penyelesaian daripada Putera Yang Empat dan jika jauh memadailah diurus

dengan surat oleh Orang Empat Istana. Kalau elah sebelah pihak lelaki akan loncor sebertuk cincin. Manakala jika engkar sebelah pihak perempuan akan dikenakan dua kali ganda yakni dua bentuk cincin dikembalikan sebagaimana yang ditetapkan Orang Empat Istana.

Antara putera luar dengan puteri Negeri Sembilan, Orang Empat Istana berperanan sebagai perantara bagi perwakilan pihak lelaki dan pihak perempuan. Orang Empat Istana akan membawa perwakilan yang datang itu menghadap memohon titah persetujuan ayahanda dan bonda puteri itu. Selepas persetujuan dicapai hendaklah dibawa tepak sirih, sebertuk cincin dan surat peminangan.

Bagi antara putera Negeri Sembilan dengan puteri luar, Orang Empat Istana berperanan sebagai wakil bagi pihak lelaki untuk mendapatkan persetujuan daripada pihak perempuan. Akan tetapi caranya adalah mengikut adat sebelah pihak perempuan.

Manakala jika puteri berkahwin dengan orang kebanyakan, adat istiadat adalah terkeluar daripada adat biasa dan tidak semestinya diuruskan oleh Orang Empat Istana.

Peranan Ketua Adat dalam Nikah Kahwin

Dalam istiadat nikah kahwin pula peranan yang dimainkan oleh Orang Empat Istana ini agak jelas. Dalam istiadat ini Orang Empat Istana akan mempersilakan pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan dengan peraturan adat istiadat, sekurang-kurangnya dengan membawa tepak sirih. Mas kahwin bagi anak-anak raja ialah RM720.00 atau pun boleh ditetapkan oleh kedua-dua belah pihak melalui muafakat. Pada lazimnya puteri kepada Putera Yang Empat mas kahwinnya tetap RM750.00 dan puteri DYMM tetap RM1000.00 (Tunku Abdullah, 1972:1). Antara persediaan lain ialah pakaian, sebertuk cincin pembatalan air sembahyang dan kuih muih, bagi anak-anak raja adalah sekurang-kurangnya lima dulang; puteri kepada Putera Yang Empat ialah tujuh dulang; dan puteri kepada DYMM sembilan dulang. Sementara wang istiadatnya sebahara iaitu RM14.00. Daripada segi wang hantaran pula terpulang kepada kedua-dua belah pihak tetapi sekurang-kurangnya puteri biasa RM300.00, puteri kepada Putera Yang Empat RM700.00 dan puteri DYMM RM 1000.00²⁵.

Penerimaan mahar (mas kawin) bagi puteri DYMM dilakukan oleh Datuk Penghulu Luak Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir dengan disaksikan oleh Orang Empat Istana. Setelah itu Datuk Penghulu Luak Ulu Muar dan salah seorang daripada Orang Empat Istana serta rombongan diraja sebelah lelaki menghadap DYMM dengan disaksikan oleh Putera Yang Empat, Anak Raja Bergelar serta kaum keluarga diraja dan disudahi dengan doa selamat. Bagi yang mengiringi pengantin lelaki, kalau puteri biasa sekurang-kurangnya seorang Orang Empat Istana; manakala bagi puteri DYMM diketuai oleh seorang Putera Yang Empat. Jika putera DYMM berkahwin dengan orang kebanyakan dengan titah DYMM memadai sekurang-kurangnya diketuai oleh seorang Anak Raja Bergelar, seorang Orang Empat Istana dan datuk-datuk yang berjawatan (Tunku Abdullah, 1972:2).

Dalam istiadat akad nikah pula (bagi puteri DYMM) seorang daripada Orang Empat Istana bersama-sama wakil wali pergi menghadap DYMM memohon titah untuk memulakan istiadat.

Setelah akad nikah dijalankan, meriam akan dibunyikan sebanyak lapan das. Kemudian Datuk Bentara Dalam mempersilakan pengantin lelaki ke istiadat membatalkan air sembahyang dengan menyarungkan cincin ke jari pengantin perempuan.

Dalam istiadat bersanding Datuk Bentara Dalam dan Bentara Perempuan mempersilakan pengantin lelaki dan perempuan ke istiadat tersebut dan dikelolakan oleh Orang Empat Istana untuk merenjisikan 'air selamat'²⁶. Upacara merenjis air selamat ditetapkan oleh Orang Empat Istana setelah berunding dengan pihak lelaki dan perempuan. Jika Orang Empat Istana tidak berpuas hati maka salah seorang daripada Putera Yang Empat ataupun Anak Raja Bergelar akan menyelesaikannya.

Pada lazimnya dalam istiadat perkahwinan diraja Negeri Sembilan diadakan istiadat bersiram di atas 'panca persada'²⁷. Untuk menuju ke panca persada ini kedua-dua pengantin diraja diarak dari istana dengan menaiki 'takhta rencana'. Tembakan meriam dilepaskan sebanyak lapan das menandakan istiadat bersiram akan dimulakan dan Orang Empat Istana menghadap memohon titah DYMM untuk memulakan istiadat.

Bentara Dalam dan Bentara Perempuan mempersilakan pengantin diraja menaiki takhta rencana. Terdapat beberapa aturan tertentu dalam istiadat perarakan ini seperti yang telah ditetapkan oleh Jemaah Istiadat Istana²⁸.

Semasa di atas panca persada, Datuk Kanda Maharaja, Datuk Panglima Gajah dan Datuk Bentara Perempuan berdiri di belakang pengantin diraja berdua. Setelah Datuk-datuk Penghulu Luak Tanah Mengandung dan datuk-datuk yang lain mengambil tempat masing-masing, Orang Empat Istana menjalankan peranan untuk memulakan istiadat bersiram ini. Datuk Seri Amar Diraja mengambil bedak yang dibawa oleh Raja Penghulu lalu melangkah ke tingkat kedua dari atas diikuti oleh Raja Diwangsa, Penghulu Dagang dan Akhir Zaman dan kemudian berjalan keliling tujuh kali. Kemudian seorang demi seorang menyembah bedak limau kepada pengantin diraja berdua. Kemudian diikuti oleh pertunjukan pencak silat di hadapan panca persada dan istiadat bersiram pun dimulakan. Kira-kira 15 minit istiadat bersiram selesai dan pengantin diraja berarak balik ke istana mengikut seperti dinyatakan. Tembakan meriam dilepaskan sebanyak lapan das menandakan keberangkatan balik pengantin diraja.

Daripada keterangan-keterangan yang berhubung dengan adat istiadat tersebut jelas memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh Orang Empat Istana. Ternyata mereka itu sentiasa menjunjung titah perintah diraja serta menyempurnakan segala aturan adat istiadat dalam istana termasuk hal-hal yang berhubung dengan anak-anak raja Negeri Sembilan.

Peranan Orang Empat Istana

Di sini penulis mengemukakan peranan Orang Empat Istana secara lebih khusus seperti yang dipetik daripada Laporan Jemaah Istiadat Istana (Tunku Abdullah, 1972:7):

1. Datuk Seri Amar Diraja

- i. Berperanan menurunkan daulat²⁹ dalam istiadat pertabalan DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan
- ii. Mendahului merenjis air untuk menepung tawar dalam adat istiadat seperti bersiram, bersanding, berinai dan lain
- iii. Menyambut kesampaian Undang Luak Sungai Ujong ke istana

2. Datuk Raja Diwangsa

- i. Menyeru dan menghebahkan kepada datuk-datuk dan pegawai-pegawai istana semasa istiadat menurunkan alat-alat kebesaran di halaman istana.

- ii. Mempersilakan Undang Yang Empat ke rumah telapakkan³⁰ sebelum menghadap menyempurnakan kejadiannya di istana
- iii. Memberitahu Datuk-datuk Lembaga Empat Ulu Muar³¹ untuk mempersilakan Undang yang Empat dari balainya ke Istana Besar semasa istiadat pertabalan
- iv. Menyambut kesampaian Undang Luak Jelebu ke istana

3. Datuk Penghulu Dagang

- i. Mengatur kedudukan datuk-datuk yang berjawatan di Balairung Seri dan dalam adat istiadat
- ii. Menentukan masa untuk mengadakan dikir rebana, cak lempong dan pencak silat di panca persada dan Balairung Seri
- iii. Menentukan alamat meriam dibunyikan
- iv. Menyambut kesampaian Undang Luak Johor ke istana

4. Datuk Akhir Zaman

- i. Mengatur pegawai semasa istiadat memasang alat kebesaran di halaman istana
- ii. Menentu dan mengatur Pegawai 99 membawa alat kebesaran semasa istiadat berarak di panca persada untuk bersiram dan istiadat-istiadat lain
- iii. Menyambut kesampaian Undang Luak Rembau ke istana

Menurut Datuk Penghulu Dagang sekiranya salah seorang daripada Orang Empat Istana itu tidak dapat hadir, tugasnya akan digantikan oleh salah seorang daripada yang tiga lainnya.

Ini bermakna setiap Orang Empat Istana itu mestilah mengetahui atau memahami tugas dan tanggungjawab antara satu sama lain agar tidak timbul sebarang masalah jika tenaga mereka diperlukan bagi menggantikan salah seorang di kalangan mereka³².

Tugas dan peranan Orang Empat Istana dalam segala adat istiadat adalah dibantu oleh datuk-datuk dan pegawai-pegawai istana yang lain seperti Pegawai Yang Enam dan Apit Lempang Orang Empat Istana serta Pegawai 99.

Tugas Pegawai Yang Enam

Tugas utama Pegawai yang Enam adalah membantu Orang Empat

Istana mengeluarkan alat-alat kebesaran diraja dalam upacara-upacara tertentu dan kemudian menolong menyimpannya. Selain itu Datuk Johan iaitu salah seorang Pegawai yang Enam turut membantu Orang Empat Istana menerima tetamu bertaraf dan Datuk Andatar (Pegawai Yang Enam) pula menolong menyambut Undang sebelum disampaikan kepada Orang Empat Istana. Ini jelas melalui kenyataan Lister (1887:51):

Johan is the officer who receives Rajas arriving from other countries, for instance, if the Yam Tuan of Selangor were to visit the Yam Tuan of Sri Menanti Johan would go to meet him and bring him to the istana, where he would be received by the Orang Ampat first.

Andatar's office is to receive the Undang of other States, such as the Klana of Sungai Ujong, or of the Dato' Jelebu, or the To' Engku of Klang. He brings them to the istana where he hands them over to the Orang Ampat.

Lister (1887:51-52) juga menjelaskan peranan Pegawai Yang Enam yang lain sebagai berikut :

Laksamana and Laksamana are the principal sword and spear bearers. Panglima Sutan and Panglima Raja are the messengers, who are sent in connection with the decease of the Yam Tuan.

Selain itu semasa menurunkan alat-alat kebesaran diraja, Pegawai Yang Enam dikehendaki hadir. Menurut adatnya Pegawai Yang Enam menyambut alat kebesaran itu daripada Datuk Penghulu Dagang; Datuk Penghulu Dagang pula menyambutnya daripada Datuk Akhir Zaman; Datuk Akhir Zaman daripada Raja Diwangsa; dan Raja Diwangsa daripada Datuk Seri Amar Diraja. Daripada segi adatnya dikatakan bahawa, 'Amar Diraja di dalam bilik, Datuk Raja Diwangsa di luar bilik. Akhir Zaman di tengah rumah, Penghulu Dagang di serambi' (Sheehan dan Abdul Aziz, 1936:203).

Manakala Datuk Johan yang sedia menanti di halaman istana menyeru Pegawai Yang Enam yang lain menyuruh mereka menyambut alat-alat kebesaran itu. Peraturan mengeluarkan alat kebesaran seperti ini dilakukan setiap kali hendak mengadakan adat istiadat di istana.

Tugas dan peranan Apit Lempang pula diibaratkan sebagaimana Orang Empat Istana memegang hak dalam istana. Walau bagaimanapun mereka ini lebih dianggap sebagai pembantu Orang Empat Istana dalam segala hal ehwal adat istiadat di istana. Terdapat enam orang Apit Lempang Orang Empat Istana ini. Empat orang daripada mereka iaitu Datuk Besar, Datuk Andika, Datuk Sutan Bentara dan Datuk Raja Panglima turut bertanggungjawab terhadap anak buah masing-masing dalam lingkungannya kerana mereka merupakan Lembaga bagi suku masing-masing³³.

Pegawai 99

Sementara itu terdapat satu lagi jawatan istana yang disebut Pegawai 99³⁴. Mereka bukan sahaja terdiri daripada kalangan anggota masyarakat Air Kaki Lingkungan tetapi juga daripada suku-suku lain di kawasan Luak Tanah Mengandung. Antaranya 12 orang dari Luak Ulu Muar, 12 Jempol, 6 Terachi, 6 Gunung Pasir dan ada juga dari Inas, Gemencheh dan Air Kuning. Terdapat juga sebilangan kecil dari Rembau walaupun Rembau tidak termasuk dalam Luak Tanah Mengandung.

Pada teorinya Pegawai 99 ini bertugas menguatkuasakan larangan raja. Sekiranya ada rakyat yang melanggar larangan ini, Pegawai 99 akan melaporkan kepada Orang Empat Istana, Pegawai Yang Enam atau Apit Lempang Orang Empat Istana supaya dipersembahkan kepada pengetahuan Yamtuan. Akan tetapi pada masa ini peranan mereka lebih berbentuk adat istiadat. Mereka dikehendaki hadir dalam segala upacara dan istiadat diraja bagi menyumbangkan tenaga dalam menyempurnakan istiadat itu.

Apabila seseorang Pegawai 99 itu meninggal dunia, keluarganya hendaklah memberitahu salah seorang Putera Yang Empat untuk melantik ganti yang baru. Putera Yang Empat selaku wakil Yamtuan menerima gantinya dengan segala adat istiadat³⁵.

Rumusan

Pada keseluruhannya tugas dan peranan pemimpin-pemimpin Adat Lingkungan ini agak jelas baik dalam lingkungan anak buah masing-masing mahupun dalam segala adat istiadat di istana. Terutamanya peranan yang dimainkan oleh Orang Empat Istana dan dibantu oleh datuk-datuk yang lain yang kebanyakan mereka terdiri daripada anggota masyarakat Adat

Lingkungan. Oleh itu tidak hairanlah mereka ini, khususnya Orang Empat Istana sentiasa dihormati oleh masyarakat lingkungannya serta mendapat keistimewaan untuk menggunakan alat-alat kebesaran tertentu dari istana.

Apabila meninjau kembali konsep peranan yang dikemukakan oleh Linton pada peringkat awal tadi, dapatlah diterima kenyataannya yang mengatakan bahawa tiap-tiap satu taraf atau kedudukan seseorang individu itu ada peranan-peranan yang mesti dijalankan. Daripada segi praktiknya peranan anggota daripada masyarakat Adat Lingkungan (termasuk masyarakat Adat Perpatih Luak Tanah Mengandung) lebih nyata dalam menyumbangkan tenaga bagi menolong raja dalam segala urusan istana.

NOTA

¹ Makalah ini dipetik daripada Latihan Ilmiah penulis bertajuk *Perkembangan Institusi Adat Lingkungan Seri Menanti dan Peranannya dalam Masyarakat* yang dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 1987. Justeru itu data-data dalam penulisan ini adalah sah pada sekitar tahun berkenaan.

² *Soko* bermaksud suku dilihat daripada pihak ibu.

³ Dalam masyarakat Adat Perpatih, perlantikan seseorang buapak cukup sekadar mendapat pengesahan lembaga tetapi dalam Adat Lingkungan pengesahan juga perlu diperoleh daripada Yamtuan atau wakilnya.

⁴ Ini bermaksud perlantikan buapak tidak semestinya daripada kalangan besar waris sebaliknya sesiapa sahaja lelaki dalam suku itu boleh dilantik sebagai buapak asal cukup syarat dan layak. Sebagai contohnya ialah perlantikan Datuk Setia Muda Jaafar Hj. Lilah sebagai buapak dalam suku Seri Lemak Pahang (Temu bual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof di Kampung Bukit Tempurung Seri Menanti pada 28.1.1987).

⁵ Temu bual dengan Tunku Alang Astor bin Tunku Sharif di Kuala Pilah pada 27.1.1987.

⁶ Keterangan lanjut tentang perlantikan ketua adat dalam masyarakat Adat Perpatih sila lihat Mazenah bte. Piei, 1982:75-83

⁷ Satu bungkus bernilai sesuku iaitu 25 sen.

⁸ Temu bual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof di Kampung Bukit Tempurung, Serj Menanti pada 28.1.1987.

- ⁹ Temu bual dengan Tuan Hj. Mohd. Nor, di Kuala Pilah pada 10.10.1986.
- ¹⁰ Temu bual dengan Tuan Hj. Mohd. Nor, di Kuala Pilah pada 10.10.1986.
- ¹¹ Enakmen Pemegang Adat 1909, terjemahan Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan; lihat juga Lokman Yusof (1963:14).
- ¹² Temu bual dengan Tuan Hj. Mohd. Nor bin A. Hamid di Kuala Pilah pada 20.1.1987.
- ¹³ Keadaan ini berbeza dalam kawasan pentadbiran Undang dan Penghulu Luak yang mengamalkan Adat Perpatih. Di bawah pentadbiran Undang, perbicaraan peringkat tinggi haruslah dihadiri oleh Undang dan wakil kerajaan. Sementara di dalam kawasan Penghulu Luak, perbicaraan yang sama haruslah dihadiri oleh wakil Tuanku, Penghulu Luak dan wakil kerajaan. Temu bual dengan Tuan Hj. Mohd. Nor di Kuala Pilah pada 20.1.1987.
- ¹⁴ Temu bual dengan Tuan Haji Mohd. Nor bin A. Hamid di Kuala Pilah pada 20.1.1987.
- ¹⁵ Istiadat mengembang cincin bermaksud istiadat memberitahu Buapak dan segala yang seadat dan seresam untuk menentukan hari perkahwinan. Temu bual dengan Tuan Haji Ibrahim bin Jaafar di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 25.1.1987.
- ¹⁶ Corak cincin bunga serunai ialah, bahagian atasnya adalah melebar dan mempunyai ukiran-ukiran. Sementara cincin bergunta pula bahagian atasnya meninggi dan berukir. Tetapi sekarang syarat-syarat ini tidak lagi menjadi satu kemestian dan terpulang kepada persetujuan kedua-dua pihak. Temu bual dengan Datuk Besar Meon bin Abu Bakar di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 3.11.1986.
- ¹⁷ Temu bual dengan Datuk Panglima Jaya Hassan bin Salleh di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 19.1.1987.
- ¹⁸ 'Mas manah' merupakan pemberian berbentuk wang yang dikhaskan untuk Buapak sebagai hadiah.
- ¹⁹ 'Merumah' ialah jalan keluar bagi lelaki yang menyukai seorang perempuan tetapi "pihak perempuan" tidak suka menerima lamarannya. Pihak lelaki naik ke rumah (atau dalam bilik) dan memegang tangan perempuan yang dihajati. Dia akan tetap tinggal di bilik atau membawa perempuan itu ke luar serambi. Saudara mara kepada perempuan itu akan tetap mahu perempuan itu diserahkan kembali dengan mengemukakan berbagai-bagai tuntutan. Jika si lelaki sanggup memenuhi tuntutan-tuntutan yang diminta dan berjaya dalam usahanya tidak

mahu memulangkan sigadis, barulah ia boleh dikahwinkan. Ibu sigadis itu mesti mengadakan upacara perkahwinan pada hari itu juga. Tetapi jika si lelaki itu kalah maka terpaksa ia membayar adat dan turun dari rumah gadis berkenaan.

20 Si lelaki datang ke rumah perempuan yang diinginiya itu dengan beberapa orang (biasanya 5 atau 6 orang). Tetapi lelaki yang datang dengan rombongan-nya ini hanyalah sampai di serambi atau di ruang luar rumah perempuan itu dan tidak terus masuk ke bilik perempuan itu seperti masa yang berlaku dalam 'merumah'.

21 Dalam Adat Perpatih kahwin sesuku merupakan kesalahan besar dan ini dinamakan 'sumbang'. Ada dua jenis sumbang. Pertama ialah sumbang sewaris iaitu berkahwin sesuku tetapi berlainan perut. Kedua ialah sumbang sekedim yang merupakan sebesar-besar kesalahan iaitu berkahwin 'dalam perut' sendiri. Sumbang sekedim ini dikenali juga sebagai 'sumbang balai melintang'.

22 Pantang larang dalam Adat Lingkungan ini adalah serupa dengan Adat Perpatih. Temu bual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof di-Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 23.7.1986.

23 Sekiranya pertelingkahan berlaku antara ketua adat (misalnya antara lembaga dengan lembaga) yang sukar diselesaikan, masalah ini akan dirujuk kepada Penyelia Adat untuk penyelesaian. Andai kata pada peringkat ini masalah itu masih tidak dapat diatasi, Penyelia Adat akan menyembahkan kepada Yamtuan untuk membuat keputusan. Temua bual dengan Yang Mulia Tunku Alang Astor bin Tengku Mohd. Sharif di Kuala Pilah pada 27.1.1987.

24 Peluk ambian bermaksud di bawah pemeliharaan.

25 Pada masa ini wang hantaran telah melebihi jumlah tersebut dan terpulang kepada persetujuan kedua-dua belah pihak.

26 Dengan merujuk *Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969* antara Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang Dipertuan Besar dengan Yang Mulia Tunku Muzaffar putera Yang Mulia Tunku Kecil Besar Mustapa susun cara merenjis air selamat ialah:

- i. Duli-duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar dan Tunku Ampuan Negeri Sembilan.
- ii. Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduak Baginda Yang Dipertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
- iii. Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Tunku Kurshiah
- iv. Yang Maha Mulia Tengku Puan Durah
- v. Yang Amat Mulia Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin

- vi. Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Tanah Melayu dan Brunei atau wakil-wakilnya. Dan dituruti oleh anak-anak raja dan datuk-datuk yang telah diatur oleh Orang Empat Istana dan istiadat ini diakhiri oleh mereka sendiri.

²⁷ Panca persada ialah tempat bersiram dan bersanding setinggi 10 tingkat anak tangga yang terletak di luar perkarangan istana untuk disaksikan oleh rakyat jelata.

²⁸ Berdasarkan *Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969* aturan perarakan itu adalah seperti berikut:

Aturan di atas takhta rencana

- i. Pengantin Diraja berdua
- ii. Datuk Kanda Maharaja memegang pedang Sebarau Bujang
- iii. Datuk Panglima Gajah memegang payung kuning
- iv. Datuk Bentara Perempuan memegang kipas keemasan
- v. Datuk Mangku memegang keris panjang.

Aturan hadapan takhta rencana

- i. Pasukan rebana dan pencak silat
- ii. Juak-juak dan pegawai-pegawai memegang alat-alat kebesaran
- iii. Datuk-datuk Penghulu Luak Tanah Mengandung
- iv. Orang Empat Istana
- v. Datuk Bentara Dalam

Aturan kiri dan kanan takhta rencana

- i. Datuk-datuk Pegawai Yang Enam memegang keris dan pedang
- ii. Datuk-datuk Apit Lempang
- iii. Orang-orang Besar Lingkungan

Aturan belakang takhta rencana

- i. Yang Amat Mulia Putera Yang Empat
- ii. Anak-anak Raja Bergelar, Putera-putera dan puteri-puteri raja Negeri Sembilan
- iii. Datuk Pegawai memegang alat-alat kebesaran
- iv. Rakyat

²⁹ Daulat di sini bermaksud alat kebesaran diraja Negeri Sembilan yang dibawa oleh Raja Melewar dari pagarruyung. Daulat ini berupa sehelai rambut panjang melingkari penuh sebuah bati.

³⁰ Rumah Telapakan ialah rumah tempat persinggahan Undang Yang Empat sebelum menghadap Yamtuan.

³¹ Datuk-Datuk Lembaga Empat Muar ialah:

- i. Datuk Paduka Besar

- ii. Datuk Seri Maharaja
- iii. Datuk Senara Muda
- iv. Datuk Orang Kaya Bungsu

32 Temu bual dengan Datuk Penghulu Dagang di Kampung Bukit Tempurung Seri Menanti pada 28.1.1987.

33 Datuk Besar merupakan lembaga bagi suku Tiga Batu Lingkungan Kampung Buyau dan Tanjung Beringin, Seri Menanti. Sementara Datuk Andika, Datuk Sutan Bentara dan Datuk Raja Panglima ialah lembaga bagi suku-suku yang mengamalkan Adat Lingkungan di luar Seri Menanti.

34 Pada masa dahulu mungkin bilangannya 99 tetapi kini telah bertambah lebih daripada 300 orang. Asal usul jawatan ini dikatakan bahawa pada zaman dahulu apabila Yamtuan berangkat ke mana-mana lazimnya terdapat seorang rakyat yang memberi baginda santapan. Oleh sebab orang itu berjasa kepada Yamtuan maka diberikan gelaran kepadanya (Sheehan dan Abdul Aziz, 1936:204).

35 Mereka yang telah dilantik itu hendaklah datang menyembah Putera Yang Empat dengan membawa boko (buah tangan).

BIBLIOGRAFI

- Abbas bin Ali, Haji. "Sebahagian dari dasar Adat (Tinjauan secara umum)". Kertas kerja *Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih*. Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan. Seremban. 10-12 April 1974.
- Abdullah Siddik. *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu. 1975.
- Azizah Kassim. *Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 1969.
- Banton, M. *Role and Introduction to the Study of Social Relations*. London: Tavistock Publications Ltd. 1965.
- Duncan, M.G. (ed.). *A Dictionary of Sociology*. London: Routledge & Kegan Paul. 1986.
- Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan)*. Terjemahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan. 1965.
- Enakmen Pemegang Adat 1909*. Terjemahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan, 1909.

- Hooker, M.B. *Adat Laws in Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1972.
- Linton, R. *The Study of Man: An Introduction*. London: Peter Owen. 1956.
- Lister, M. "The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution". *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*. 14. 1887.
- Lokman Yusof, "Islam and Adat: As seen in Land Inheritance". *Intisari*. 1(4) Singapore: MSRI. 1963.
- Mazenah bte. Piei. *Peranan Ketua Adat dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Latihan ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1982.
- Noor Hayati bte. Haji Ibrahim. *Perkembangan Institusi Adat Lingkungan Ser Menanti dan Peranannya dalam Masyarakat*. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1987.
- Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publications & Distributers. 1982.
- Othman Ishak. *Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang undang Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1982.
- Parr, C.W.C. dan W.H. Mackray. "Rembau. One of the Nine States. Its History Constitution and Customs". *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*. 56. 1910.
- Sheehan, J.J. dan Abdul Aziz Khamis. "Adat Kuala Pilah" *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*. 14(3). 1936.
- Syed Husin Ali. "Patterns of Rural Leadership in Malaya". *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*. 61(1). 1986.
- Theodorson, G.A. & A.G. Theodorson. *A Modern Dictionary of Sociology* London: Methuen & Co. Ltd. 1970.
- Tunku Abdullah, Tunku Panglima Besar. *Laporan daripada Jumaah Istiada Istana*. 7 Januari 1972.
- Winstedt, R.O. "The Minangkabau Polity". *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*. 12(2). 1934.
- Winstedt, R.O. *The Malays A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd. 1961.

SENARAI RESPONDEN

Nama : Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof.
Tarikh lahir : 1910.
Alamat : Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti.
Jawatan : Orang Empat Istana dan Lembaga suku Tanah Datar
 Lingkungan Air Kaki dengan gelaran Datuk Penghulu
 Dagang.
Pengalaman : Sebelum memegang jawatan Orang Empat Istana dan
 Lembaga, beliau pernah bekerja menjadi "budak suruhan"
 di istana. Beliau dilantik sebagai Orang Empat Istana dan
 Lembaga pada tahun 1934 iaitu semasa pemerintahan
 DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ke-8,
 Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Nama : Datuk Panglima Jaya Hassan bin Salleh.
Tarikh lahir : 1916.
Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti.
Jawatan : Buapak Suku Tiga Batu Lingkungan Kampung Buyau.
Pengalaman : Beliau pernah memegang jawatan Besar Waris Kampung
 Buyau dengan gelaran Datuk Palembang di antara tahun
 1937 hingga 1967. Beliau dilantik menjadi buapak atas
 kebulatan anak buah kampung tersebut bagi meng-
 gantikan Datuk Panglima Jaya Maasar yang meninggal dunia
 pada tahun 1967.

Nama : Haji Ibrahim bin Jaafar
Tarikh lahir : 1919.
Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti.
Pengalaman : Beliau pernah menjawat jawatan Pegawai 99 dan Besar
 Waris bagi suku Tanah Datar Lingkungan Air Kaki dengan
 gelaran Datuk Seri Maharaja pada tahun 1965 hingga 1983.

Nama : Datuk Besar Meon bin Abu Bakar.
Tarikh lahir : 23. 3. 1903.
Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti.
Pengalaman : Beliau pernah menjadi Pegawai 99 dan Besar Waris suku
 Tiga Batu Kampung Buyau di antara tahun 1922 hingga
 1934 dengan gelaran Datuk Perdana. Pada tahun 1934

beliau diangkat menjadi buapak dengan gelaran Datuk Panglima Jaya. Semasa pemerintahan almarhum Yamtuan Tuanku Abdul Rahman beliau telah dilantik sebagai Apit Lempang Orang Empat Istana dan Lembaga suku Tiga Batu pada 23.9.1937.

Nama : Haji Mohd. Nor bin A. Hamid.
 Tarikh lahir : 1929.
 Alamat : No. 44, Bt. 121/2, Jalan Bahau, Kuala Pilah.
 Pengalaman : Beliau pernah menajwat jawatan *Settlement Officer* merangkap Penolong Pemungut Hasil Tanah Kuala Pilah. Beliau bersara daripada jawatan tersebut pada tahun 1983.

Nama : Yang Amat Mulia Tunku Alang Astor bin Tunku Sharif.
 Tarikh lahir : 29. 9. 1921.
 Jawatan : Anak Raja Bergelar merangkap jawatan Penyelia Adat
 Pengalaman : Beliau telah dilantik sebagai Penyelia Adat pada tahun 1976 oleh DYMM Yang Dipertuan Besar Tuanku Jaafar. Sebagai Penyelia Adat, beliau memainkan peranan penting dalam setiap upacara perlantikan pemimpin Adat Lingkungan khususnya Lembaga, Orang Empat Istana dan Buapak.

Nama : Shamsuddin bin Husein
 Tarikh lahir : 1907
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti
 Pengalaman : Beliau pernah memegang jawatan Orang Besar Istana dengan gelaran Datuk Kanda Maharaja serta Besar Waris suku Batu Hampar di antara tahun 1940 hingga 1986. Sebagai Datuk Kanda Maharaja, beliau ditugaskan sebagai pemegang Pedang Sebarau Bujang dalam setiap upacara perarakan diraja semasa di atas takhta rencana.

LAMPIRAN 1: Peta Mukim Sri Menanti

Sumber: Jabatan Ukur Seremban, Negeri Sembilan.

